



**SURAT PEMBERITAHUAN  
PEJABAT SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM  
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

**PENGIKLANAN JAWATAN KOSONG PERATURAN 7 (a)**

**Iklan adalah dibukakan kepada Orang Ramai dan Pegawai-Pegawai dan Kakitangan yang sedang berkhidmat dengan Perkhidmatan Awam Negara Brunei Darussalam.**

**GURU (G.1)  
JABATAN PENDIDIKAN KHAS  
KEMENTERIAN PENDIDIKAN  
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

---

**Syarat-Syarat Am:**

- (A) PEMOHON terdiri daripada Rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.
- (B) Pemohon mempunyai pengetahuan kerasmian agama Islam, adat istiadat, kebudayaan, perkembangan sosial, ekonomi dan politik Negara Brunei Darussalam.
- (C) Bersedia untuk bertugas bila-bila masa di luar waktu bekerja biasa atau bekerja secara bergilir-gilir (*shift*) atau semasa cuti awam dan juga hendaklah bersedia untuk bertugas di mana- mana daerah di negara ini.
- (D) Bagi pemohon yang terdiri dari Pegawai-Pegawai Kerajaan hendaklah mempunyai tahap penilaian prestasi sekurang-kurangnya **SANGAT BAIK** bagi tempoh tiga (03) tahun kebelakangan.



**GURU  
JABATAN PENDIDIKAN KHAS  
KEMENTERIAN PENDIDIKAN  
G.1 (\$605 - \$1,770 SEBULAN)  
KEKOSONGAN = SEPULUH (10)**

**KELAYAKAN MINIMUM:**

1. a) 4 Kepujian / Kredit Mata Pelajaran Sijil Am Pelajaran *Brunei-Cambridge* Peringkat Biasa atau sebanding.

**ATAU**

- b) Telah berkhidmat dalam Perkhidmatan Kerajaan dalam jawatan berkaitan dengan hal ehwal orang-orang berkeperluan khas atau jawatan bersesuaian sekurang-kurangnya dalam tangga gaji E.1 atau sebanding tidak kurang dari 6 tahun dan telah ditetapkan dalam jawatan.
2. Berpengalaman kerja dalam hal-hal berkaitan dengan hal ehwal pendidikan orang-orang berkeperluan khas tidak kurang dari 3 tahun adalah kelebihan.
3. Keutamaan akan diberikan kepada pemohon yang pernah mengikuti latihan / kursus berkaitan dengan hal ehwal pendidikan orang-orang berkeperluan khas.
4. Sebelum layak ditetapkan dalam jawatannya, Guru di Jabatan Pendidikan Khas adalah dikehendaki untuk mengikuti Diploma / Sijil dalam Pendidikan khas atau Pendidikan Inklusif dalam tempoh percubaan tiga (03) tahun mulai tarikh dilantik ke jawatan ini.

**TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB:**

1. Tugas utama membantu Guru Pendidikan Khas / Guru Subjek untuk mencapai objektif Rancangan Pendidikan Individu / (RPI) pelajar berkeperluan khas secara individu atau dalam kumpulan kecil;
2. Pendamping kepada pelajar berkeperluan khas dalam aktiviti harian;
3. Ahli Komiti Peringkat Sekolah / (KPS) dalam mengenal pasti, merangka, melaksanakan dan menilai Rancangan Pendidikan Individu / RPI;
4. Menyediakan buku log dan laporan perkembangan pelajar-pelajar berkeperluan khas yang dibantu;



5. Selaku guru pengawas peperiksaan awam bagi pelajar-pelajar berkeperluan khas yang telah diberikan pertimbangan khas (jika perlu);
6. Menghadiri mesyuarat / kursus / bengkel yang dikendalikan oleh pihak Jabatan Pendidikan Khas, Sekolah dan mana-mana Jabatan atau Agensi yang berkenaan; dan
7. Melaksanakan tugas yang berkenaan atas arahan yang diberikan oleh Jabatan Pendidikan Khas.